

UMNO

SEJARAH, ORGANISASI
&
PELAKSANAAN DASAR

Wan Mohd. Mahyiddin



BUKU INI MENGISAHKAN perjuangan UMNO, parti yang ditubuhkan pada Mei 1946 dan kini menerajui pemerintahan Malaysia. Ia antara parti yang terulung di negara-negara membangun yang masih wujud dan bertahan tatkala banyak parti-parti lain telah lenyap atau peranannya tiada lagi. Dasar-dasarnya lahir dari keistimewaan masyarakat negara ini dilaksanakan bagi membawa kestabilan, kemakmuran dan perpaduan. Berjuang bagi kepentingan orang Melayu dan umat Islam, sifat nasionalnya mendorong ia menjalankan pelbagai usaha bagi kemajuan seluruh rakyat. Buku ini juga menghuraikan struktur dan organisasi UMNO di semua peringkat, termasuk soal perlembagaan dan pentadbiran, kewangan, latihan dan penerangan, pemilihan pemimpin dan penyertaan dalam pilihan raya. Turut dimuatkan detik-detik sejarah yang telah dilalui oleh UMNO dalam tempoh enam puluh tahun yang lalu, khasnya saat-saat gemilangnya dan tidak kurang masalah-masalah dan cabaran yang dihadapi.

Kepada

**Y.A.B. Dato Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak
Timbalan Presiden UMNO**

**Dengan Ingatan Ikhlas
dan Selamat Berjuang**

wm yip.

Pengarang

Januari 2008



UMNO
Sejarah, Organisasi dan
Pelaksanaan Dasar





UMNO

Sejarah, Organisasi dan Pelaksanaan Dasar

WAN MOHD. MAHYIDDIN



PUSTAKA PERDANA



1012662

HPI LECTURES SDN. BHD.
KUALA LUMPUR

©


Hak Cipta Terpelihara

Cetakan Pertama 2007

Perpustakaan Negara Malaysia
Wan Mohd. Mahyiddin
UMNO : Sejarah, Organisasi dan Pelaksanaan Dasar
ISBN 978-983-43689-06

Dicetak di Malaysia oleh
A & S Cetak Sdn. Bhd. (612075-k)
Kuala Lumpur

324.9595





Upacara menaikkan bendera UMNO 'Sang Sangka Bangsa' sempena Perhimpunan Agung UMNO 2006. Dari kiri Dato Seri Radzi Sheikh Ahmad, Dato Sri Najib Tun Razak, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan di kanan Dato Husainay Hashim.





PERUTUSAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

SAYA mengalu-alukan penerbitan buku UMNO ini yang sangat kena pada masanya kerana ramai pihak yang ingin mengetahui lebih lanjut tentang sebuah parti yang telah lama bergerak dalam arena politik tanah air dan merupakan antara yang terulung hari ini.

UMNO telah berjaya mengharungi gelombang politik dalam tempoh enam dekad usianya untuk lahir sebagai sebuah parti yang kuat dan menjadi tonggak kerajaan sejak merdeka. Malah boleh dikatakan sejarah Malaysia moden tidak dapat dipisahkan dari UMNO yang berperanan dalam menentukan hala tuju negara dan dasar-dasar yang melibatkan seluruh rakyat. Kepada pemimpin-pemimpin masa lalu yang telah menubuh dan menghidupkan UMNO, kita banyak berhutang budi kerana kegigihan dan usaha-usaha mereka itu.

Ketahanan UMNO berpunca dari falsafah perjuangannya yang sentiasa relevan dan menepati keperluan rakyat dan komited membela orang Melayu untuk bangun menjadi satu bangsa yang cemerlang dan berdaya saing. Ini selaras dengan Islam Hadhari yang menuntut pembinaan tamadun yang dapat membawa kejayaan dalam semua bidang sebagai sumber inspirasi kepada bangsa Melayu dengan mengimbangkan kedua-dua tanggungjawab dunia dan akhirat. Satu perubahan tasawur yang menekankan konsep kehidupan yang menyeluruh adalah perlu bagi membuka minda ke arah pembangunan ummah dan Negara semasa cabaran-cabaran dari globalisasi semakin meningkat.

Perjuangan UMNO untuk orang Melayu dan Islam berasaskan satu perspektif yang luas dan mengambil kira kepentingan semua penduduk di negara ini. Pragmatismenya telah membolehkan kerjasama dengan parti-parti lain dalam Perikatan dan kemudiannya Barisan Nasional dalam membina sebuah Negara yang maju dan bersatu padu seperti yang ternyata dari program-programnya. Rakyat dari pelbagai kaum mengenalnya bukan kerana retoriknya tetapi keupayaan melaksanakan segala yang dirancang bagi menjamin satu kualiti hidup yang tinggi.

Tradisi berkhidmat kepada rakyat adalah lambang UMNO sejak dari penubuhannya. Pemimpin-pemimpin tertingginya adalah orang-orang

yang sederhana yang mengutamakan kehendak ramai lebih dari diri masing-masing. Mereka dialas dengan sifat-sifat amanah dan integriti untuk mengendalikan parti dan kerajaan dengan penuh tanggungjawab berlandaskan tuntutan-tuntutan perjuangan yang suci dan hasrat yang baik. Penekanan kepada sebuah kerajaan bersih yang berorientasikan rakyat akan terus dilaksanakan selagi UMNO berkuasa.

Setelah satu tempoh perkhidmatan yang lama, mudah sahaja bagi sesebuah parti untuk mengalami kekakuan yang akan melemahkan daya perjuangannya. UMNO tidak terkecuali dalam hal ini. Di sini kesedaran adalah perlu agar idealisme yang asal tidak hilang kerana sesuatu obsesi seperti kecenderungan kepada faedah-faedah material atau lain-lain.

Kelebihan UMNO ialah setiap kali ia menghadapi cabaran atau kelemahan, ia berjaya mencipta semula dirinya dengan membuat perubahan-perubahan untuk lahir lebih kuat dari sebelumnya. Ia sentiasa prihatin dan dapat menyesuaikan diri dengan kehendak-kehendak baru masyarakat dan mengambil tindakan bagi memenuhinya. Dengan itu ia wujud sebagai sebuah organisasi yang dinamik dalam serba keadaan tanpa ditinggalkan oleh peristiwa-peristiwa. Sifat progresif dan pemikiran yang ke hadapan adalah ciri-ciri yang dapat memastikan ia sentiasa kukuh dan dikagumi.

Kepada mereka yang menyorot kandungan buku ini saya berharap akan beroleh satu gambaran yang jelas tentang UMNO dan menambah iltizam untuk menyokong perjuangannya kerana kesan-kesan baik yang terus dibawanya ke atas kehidupan semua golongan rakyat. Wassalam.



DATUK SERI ABDULLAH HAJI AHMAD BADAWI



PERUTUSAN

SAYA ingin mengucapkan tahniah kepada penulis yang telah berusaha menerbitkan buku mengenai UMNO hasil pengkajian dan pengalaman beliau sebagai seorang penyelidik di ibu pejabat parti.

Buku ini cukup komprehensif kerana mengandungi semua aspek-aspek penting UMNO sebagai sebuah parti politik yang tidak asing lagi di tanah air dan menjadi tonggak kerajaan sejak merdeka. Ahli-ahlinya boleh bersyukur kerana tatkala banyak parti-parti lain di negara-negara membangun telah hancur atau hilang dari pemandangan, UMNO masih berdetik dan hidup subur untuk memberi khidmatnya kepada rakyat dan tanahair.

Kelahiran UMNO memenuhi satu ruang kosong dalam politik negara selepas Perang Dunia Kedua. Orang Melayu telah bangkit bagi mendapatkan semula hak-hak mereka yang dinafikan oleh penjajah dengan menubuhkan UMNO dan menentang rancangan Malayan Union hingga ia dihapuskan. Usaha ini berjaya menyatukan seluruh lapisan masyarakat dalam satu wadah politik yang amat berkesan dan sukar digugat dalam perjuangan mencapai kemerdekaan dan pembinaan negara selepasnya.

Perjuangan UMNO tidak tertumpu kepada politik sahaja. UMNO amat komited dalam membangunkan orang Melayu dalam semua lapangan seperti ekonomi, pendidikan dan sosial, dan ini jelas terbukti melalui program-program parti sejak awal lagi, yang kemudiannya dilunaskan melalui dasar-dasar kerajaan. Hasilnya dapat dilihat hari ini dengan kejayaan orang Melayu yang mengagumkan berbanding dengan masa yang lalu. Ini telah membawa satu semangat dan keyakinan baru bagi menebus maruah yang pernah hilang ketika dijajah, dan seterusnya membina tamadun yang penuh gemilang.

Sebagai parti yang terbesar dalam Barisan Nasional, UMNO adalah bertanggungjawab kepada penduduk dari semua kaum dan golongan untuk hidup maju dan menikmati kemudahan-kemudahan sebuah negara moden. Justeru dalam membantu orang Melayu dan Bumiputera amnya melalui langkah-langkah tertentu, orang bukan Melayu juga tetap berpeluang meningkatkan kemajuan dengan berbagai program

pembangunan yang dicetuskan oleh kerajaan. Kerana kesaksamaan dan keadilan UMNO, kepimpinannya dapat diterima oleh semua kaum bagi menerajui negara ini, dan ini menyumbang kepada kejayaan Malaysia sebagai salah sebuah negara yang paling pesat membangun di rantau ini. Pencapaian ini menjadi punca kebanggaan bersama dan pendorong kepada kemajuan yang berterusan.

Namun begitu ada juga timbul tuduhan kononnya UMNO adalah sebuah parti material atau sekular yang menolak agama atau nilai-nilai rohaniyah dalam perjuangannya. Ini ternyata tidak benar sama sekali kerana umum mengetahui bahawa UMNOlah yang bersusah payah menjadikan Islam agama rasmi negara dan seterusnya sentiasa menggalakkan kegiatan-kegiatan yang dapat meningkatkan kemajuan dan martabat umatnya. Kini UMNO dengan penuh semangat memperjuangkan konsep Islam Hadhari, yang mengajak kepada pembentukan ummah yang bertamadun dan berasaskan ilmu dan pengetahuan sebagaimana terkandung di dalam ajaran Al-Quran dan Sunnah. Inilah perjuangan UMNO demi menegakkan syiar Islam.

Kestabilan politik dan kemajuan negara hari ini tidak datang dengan sendirinya. Ia adalah hasil wawasan dan perancangan teliti pemimpin-pemimpin parti yang telah bertungkus-lumus bagi menjadikannya satu realiti demi kesejahteraan hidup rakyat Malaysia. Dedikasi dan keikhlasan mereka itu sangat jelas dan perlu dijadikan iktibar oleh semua yang berjuang di dalam parti. Dengan menteladani usaha-usaha mereka dan membuang sifat-sifat keji yang boleh membawa bencana kepada parti, UMNO akan berupaya untuk terus gagah menerajui kepimpinan negara.

Saya mengesyorkan agar semua pihak, sama ada mereka ahli UMNO atau tidak, membaca buku ini bagi mendapat perspektif yang lebih jelas tentang perjuangan parti ini, khasnya peristiwa-peristiwa yang telah dilalui dan usaha-usaha yang dijalankan. Semoga pengajaran dari sejarah ini akan dapat membantu kita mengukir masa depan yang lebih gemilang untuk bangsa dan negara.



DATO SRI MOHD. NAJIB



PERUTUSAN

SETELAH meneliti buku ini, saya mendapati ia sangat lengkap dan belum pernah diterbitkan sehingga ini mengenai UMNO. Dengan itu usaha penulisnya dalam mengumpulkan bahan-bahan yang berkaitan dan memaparkannya di dalam buku ini sangatlah dihargai.

Selain rentetan peristiwa-peristiwa yang berlaku di dalam UMNO sejak awal dan penghuraian dasar-dasar perjuangan parti, satu bahagian yang penting ialah mengenai susunan atau organisasi UMNO yang begitu teratur di peringkat akar umbi hingga ke peringkat nasional. Ia adalah hasil usaha ahli-ahli dan pemimpin-pemimpin di semua peringkat yang sentiasa bergiat mengukuhkan jentera parti setelah mengenal pasti kelemahan-kelemahannya dan perbaiki dibuat secara berterusan. Hari ini wujud sebuah jentera UMNO yang cukup rapi dan bersiap sedia menjalankan fungsinya.

Dari jumlah keahlian dan bilangan Cawangan yang kecil pada peringkat awal, UMNO kini mempunyai kira-kira 3.2 juta orang dan lebih dari 20,000 Cawangan yang berselerak di seluruh tanah air. Ternyata parti ini telah berkembang pesat bagi mewakili kebanyakan orang Melayu dan Bumiputera lain yang memberi kepercayaan kepadanya. Ia bukan parti yang terhad kepada mana-mana daerah atau negeri tetapi bersifat nasional dan mampu memimpin seluruh negara melalui kerjasama dengan parti-parti komponen yang lain dalam Barisan Nasional.

Kerana sifatnya ini, UMNO begitu menarik kepada orang-orang Melayu dari semua lapisan dan golongan untuk menyertainya. Keadaan ini menimbulkan masalah pentadbiran dan pengurusan yang dikehendaki berjalan dengan cekap sesuai dengan tuntutan ahli-ahli yang ramai. UMNO mempunyai jawatankuasa pentadbirannya di semua peringkat dikendalikan oleh pemimpin-pemimpin yang dipilih atau dilantik. Dengan perasaan akuntabiliti yang tinggi, mereka ini melaksanakan tanggungjawab masing-masing bagi menjadikan jentera UMNO serba mantap.


Di samping UMNO induk, terdapat sayap-sayap Pemuda, Wanita dan Puteri sebagai pemangkin kepada parti. Setiap sayap ini mempunyai

struktur pentadbirannya sendiri yang menyamai pentadbiran UMNO induk, dengan peringkat-peringkat yang tertentu di bawahnya. Pemimpin-pemimpin yang telah dipilih dan dilantik oleh sayap-sayap ini diberi cukup kebebasan dan tanggungjawab dalam mengendalikan urusan-urusannya sebagai latihan kepada mereka menggerakkan parti.

Sebagai sebuah parti demokratik yang besar dan terbuka serta keahlian yang ramai, tugas pengawasan dan disiplin menjadi begitu penting demi memelihara kekuatan UMNO. Boleh berlaku berbagai kareh dan fael yang akan menggugat keutuhan UMNO sebagai sebuah parti, justeru tindakan-tindakan pembetulan perlu diambil setiap masa. Berkat dari kesedaran dan rasa tanggungjawab semua pihak, parti ini telah dapat bergerak dengan licin, persidangan-persidangan diadakan dengan tertib dan kekurangan-kekurangan diatasi.

Dengan jentera UMNO yang kuat telah memungkinkan kemenangan dalam pilihan raya-pilihan raya, tanpa menafikan peranan faktor-faktor lain seperti dasar-dasar dan rekod pelaksanaan yang baik. Jumlah kerusi terbanyak yang diperolehinya menjadikan ia amat berpengaruh dalam menentukan arah kerajaan dan menetapkan program-program pembangunan untuk dimanfaatkan kepada rakyat. Kedudukan parti yang lemah diakibatkan oleh jentera yang tidak tersusun sebaliknya boleh menghalang pelaksanaan matlamat-matlamat yang terkandung dalam Perlembagaan parti.

Saya mengucapkan tahniah kepada penulis kerana memasukkan banyak butir-butir berkaitan dengan jentera UMNO selain sejarah dan dasar-dasar parti. Semoga ianya memberi faedah kepada pembaca-pembaca, khasnya ahli-ahli parti dan khalayak ramai yang berminat dengan bidang ini.



DATO SERI MOHD RADZI SHEIKH AHMAD

KANDUNGAN

<i>Perutusan</i>	5
<i>Pendahuluan</i>	13
<i>Pengenalan</i>	17

BAHAGIAN SATU. SEJARAH RINGKAS

1	Penubuhan UMNO dan Selepasnya	35
2	Langkah-Langkah Menuju Kemerdekaan	48
3	Merdeka dan Cabaran Politik	60
4	Dasar Ekonomi Baru dan Perpaduan	72
5	Dua Puluh Tahun Pemodenan	85
6	Negara Maju dan Terbilang	98

BAHAGIAN DUA. TUJUAN-TUJUAN UMNO

7	Matlamat dan Dasar Perjuangan	113
---	-------------------------------	-----

BAHAGIAN TIGA. STRUKTUR DAN ORGANISASI

8	Susunan Jentera dan Lambang	133
9	Perhimpunan Agung	146
10	UMNO Pusat	160
11	Perhubungan UMNO Negeri	176
12	UMNO Bahagian	189
13	UMNO Cawangan	204

BAHAGIAN EMPAT. PERJALANAN PARTI

14	Keahlian Dalam UMNO	221
15	Kewangan dan Harta Benda	235
16	Tanggungjawab dan Hak Ahli	249
17	Perlembagaan dan Pentadbiran	262
18	Penerangan dan Latihan	277
19	Pemilihan Pemimpin	293
20	Penyertaan Dalam Pilihan Raya	309
21	UMNO dan Barisan Nasional	325

BAHAGIAN LIMA. SAYAP-SAYAP UMNO

22	Perkembangan dan Peranan	343
23	Pergerakan Pemuda UMNO	355
24	Pergerakan Wanita UMNO	374
25	Pergerakan Puteri UMNO Dan Lain-Lain	394

BAHAGIAN ENAM. PELAKSANAAN DASAR-DASAR PENTING

26	Perkembangan dan Peranan	415
27	Penyatuan Orang Melayu	425
28	Kedudukan Islam	436
29	Raja-Raja Melayu	447
30	Perpaduan Nasional	460
31	Pemerintahan Demokrasi	472
32	Pentadbiran Kerajaan	484
33	Pembangunan Negara	496
34	Ekonomi Melayu	509
35	Sains dan Industri	522
36	Buruh dan Kebajikan	534
37	Kemajuan Pendidikan	545
38	Pendidikan Melayu	557
39	Bahasa dan Kebudayaan	570
40	Masalah Sosial	582
41	Belia, Sukan dan Rekreasi	594
42	Perbandaran dan Alam Sekitar	606
43	Keselamatan dan Pertahanan	619
44	Luar Negara	632

BAHAGIAN TUJUH. PENUTUP

45.	Pemantapan dan Kemajuan	647
-----	-------------------------	-----

BAHAGIAN LAPAN. PROFIL PEMIMPIN-PEMIMPIN LEPAS

46	Dato Onn bin Jaafar	665
47	Tunku Abdul Rahman	675
48	Tun Abdul Razak	685
49	Tun Dr. Ismail Abdul Rahman	695
50	Tun Hussein Onn	705
51	Tun Abdul Ghafar Baba	714
52	Tun Dr. Mahathir Mohamad	723

BAHAGIAN SEMBILAN. PROFIL PEMIMPIN-PEMIMPIN SEKARANG

53	Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi	735
54	Dato Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak	744

Lampiran

Peristiwa-peristiwa

Rujukan

755
789
821

PENDAHULUAN

SETELAH berkhidmat buat sekian tempoh di Ibu Pejabat UMNO, saya digesa oleh rakan-rakan supaya menulis sebuah buku yang lengkap mengenai perjuangan parti ini yang telah banyak mempengaruhi pemerintahan negara dan kehidupan seluruh generasi rakyat Malaysia sejak kemerdekaan. Maka saya telah berusaha menyiapkan buku itu dan dengan izin Allah SWT kini sudah dapat diketengahkan kepada ramai. Setelah membacanya, mereka boleh membuat penilaian sendiri tentang sumbangan UMNO kepada bangsa, agama dan negara apatah cukup besar atau sebaliknya mengikut kaca mata dan kepentingan masing-masing.

Sebenarnya idea untuk mengadakan sebuah penerbitan mengenai UMNO bermula pada 1968 lagi apabila Ketua Penerangan UMNO pada masa itu, Dato Wan Abdul Kadir Ismail mengarah saya supaya menyiapkan sebuah risalah yang menghuraikan organisasi dan tujuan parti ini. Tetapi dalam kesibukan menghadapi tugas yang berbagai, risalah ini tidak menjelma. Masa banyak dihabiskan bagi menjawab isu-isu yang ditimbulkan oleh parti-parti pembangkang dengan begitu rancak ketika itu. Bagaimanapun sebuah risalah yang lain telah dapat disiapkan berhubung dengan sejarah dan kegiatan Pergerakan Kaum Ibu UMNO.

Dalam tahun-tahun berikutnya semasa saya berkhidmat dalam Bahagian Penyelidikan di bawah arahan Tan Sri Senu Abdul Rahman selaku Setiausaha Agung, tidak dapat dielak dari menyentuh tentang matlamat dan tujuan UMNO dalam tulisan-tulisan dan ceramah-ceramah yang disampaikan. Terutama dengan jawatan saya sebagai pengarang buletin/ organ parti dan penceramah yang sering diundang oleh Bahagian-bahagian. Demikianlah juga dasar-dasar perjuangan UMNO saya terangkan dalam forum-forum universiti dan pilihan raya-pilihan raya. Tentulah bertujuan propaganda tetapi tidak kurangnya juga membentangkan fakta-fakta yang sebenar. Ini telah mengasuh saya tentang banyak isu-isu yang berkaitan dengan dasar parti dan kerajaan yang penting bagi penulisan buku.

Setelah pendedahan kepada soal dasar dan tujuan UMNO pada satu masa yang memerlukannya, saya terlibat pula dalam soal-soal

pentadbiran parti walau tugas saya yang sebenar adalah sebagai penyelidik. Beberapa kertas berkaitan dengan Perlembagaan dan pentadbiran UMNO telah dapat disiapkan sekitar 1980-an dan 1990-an untuk panduan ahli-ahli. Saya beroleh pengetahuan yang terperinci mengenainya setelah dilantik menganggotai biro-biro tertentu selain bertugas dalam jawatankuasa teknikal mengenai disiplin. Dalam soal Perlembagaan khususnya saya sering diminta membuat tafsiran-tafsiran mengenainya oleh Setiausaha Agung/Setiausaha Kerja pada sesuatu masa dan mengadap Tun Ghafar Baba, Pengerusi Perlembagaan UMNO untuk penjelasan yang lanjut.

Dengan bertambah lengkap pengetahuan saya mengenai susur-galur pentadbiran dan organisasi UMNO sebagai sebuah parti, membolehkan saya menulis bahagian kedua buku ini. Bagi mereka yang tidak menjadi ahli parti atau terlibat dalam pengurusannya, susunan pentadbiran ini agak kompleks dan sukar diikuti. Saya berpeluang mendalaminya kerana perkhidmatan yang lama di Ibu Pejabat dan tidak kurang kerana kesediaan membuat kerja-kerja yang tiada kaitan secara langsung dengan jawatan saya.

Mengenai aspek sejarah, ia disentuh pada waktu-waktu tertentu khususnya hari ulang tahun UMNO bagi mengingati perjalanan parti. Minat terhadapnya lebih ketara pada peringkat awal penubuhan parti dengan banyak catatan-catatan dibuat tentang pelbagai peristiwa yang telah dilalui. Dengan itu lahir buku-buku seperti *UMNO 10 Tahun* tetapi kemudiannya karya seperti itu berkurangan dengan tulisan-tulisan ringkas saja terdapat bagi tujuan disampaikan dalam ceramah-ceramah atau perayaan-perayaan parti. Sebuah buku yang berguna mengenai organisasi dan sejarah awal parti ialah yang ditulis oleh Datuk Dr. Ramlah Adam. Manakala di dalam UMNO, Ibrahim Mahmud mengusahakan *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu* tetapi sebenarnya mengandungi perkembangan dalam UMNO dari 1946 hingga 1976.

Selepas ini tiada buku yang benar-benar menyangkut perjuangan UMNO diterbitkan. Sempena perasmian Kompleks UMNO Malaysia pada September 1985, saya telah membantu menyiapkan sebuah buku cenderamata yang di dalamnya memuatkan sejarah perjuangan ringkas UMNO, Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Wanita dan profil pemimpin-pemimpin utama selain senarai peristiwa-peristiwa penting. Buat sekian lama ia menjadi rujukan pelajar-pelajar dan mereka yang berminat terhadap parti, tetapi tidak boleh disifatkan sebagai sebuah buku. Bagaimanapun strukturnya berguna sebagai panduan saya dalam menulis buku yang ada sekarang.

Empat puluh tahun telah berlalu sejak saya menerima arahan asal untuk menyiapkan risalah UMNO. Dalam tempoh itu banyak peristiwa-peristiwa baru yang berlaku dan pemimpin-pemimpin silih berganti

bagi menerajui parti dan negara. Ia menjadi bahan-bahan baru yang dapat digunakan dalam penulisan buku ini, menjadikannya jauh lebih tebal berbanding jika ianya ditulis sewaktu UMNO berusia 20 tahun. Saya turut mengikuti perkembangan-perkembangan ini selain sejarah awal parti khususnya kerana nostalgia dan kecenderungan seseorang itu untuk menoleh ke belakang setelah berada di akhir perkhidmatannya. Maka di sinilah terbit keinginan saya untuk memasukkan bahagian sejarah di dalam buku ini bagi menjadikannya serba lengkap. Tetapi ia adalah semestinya ringkas dan penghuraian yang lebih komprehensif adalah menanti seorang penulis lain.

Dalam menyiapkan buku ini, saya banyak beroleh faedah dari dokumen-dokumen termasuk laporan-laporan dan pelbagai kertas yang tersimpan dalam Bahagian Penyelidikan yang pada 2000 bertukar fungsinya kepada sebuah unit dokumentasi. Antara dokumen-dokumen ini adalah yang saya telah kumpulkan untuk simpanan UMNO dan sebilangan yang lain saya turut menuliskannya. Kini ia menjadi bahan rujukan saya yang penting selain dibantu oleh pengalaman dan ingatan saya sendiri tentang perkembangan-perkembangan yang telah dilalui. Tanpa berada di Ibu Pejabat UMNO selama 34 tahun dan kemudiannya 6 tahun lagi sebagai penyelidik tidak rasmi, tidak mungkin saya dapat menyiapkan buku ini dalam tempoh yang relatif singkat.

Kepada semua pihak yang turut menjayakan buku ini saya ucapkan terima kasih dan semoga Tuhan membalas jasa mereka itu. Terutama sekali dorongan yang diberi oleh rakan-rakan di Ibu Pejabat UMNO, khususnya Haji Mustaffa Nik Yusof, yang juga telah menyediakan beberapa fakta yang saya perlukan. Kemudiannya beberapa orang jurutaip yang bertukar ganti dalam proses menyiapkan skrip, antaranya Suriani binti Mamat. Di peringkat akhir, anak saya, Wan Fatimah telah menjalankan tugas ini hingga selesai selain memberi bantuan umum. Kepada isteri saya, Wan Habsah binti Mohd. Zin ucapan yang serupa kerana menanggung beban dan bersabar dalam menunggu saya menyiapkan buku ini tanpa mengira waktu.

Gambar-gambar yang terdapat dalam buku ini terhad kepada yang penting-penting sahaja dan tidak dapat memuatkan segala yang telah berlaku dan personaliti-personaliti yang terlibat di dalamnya. Untuknya saya terhutang budi kepada Unit Dokumentasi dan Rekod UMNO, Syarikat Utusan Melayu Bhd, The New Straits Times, Arkib Negara Malaysia dan Jabatan Penerangan Malaysia yang menyimpan banyak gambar-gambar berkaitan dengan sejarah bangsa dan negara.

Ucapan terima kasih yang istimewa kepada Ir. Wan Mokhtar bin Wan Nawang kerana telah menyediakan kemudahan-kemudahan pejabat (termasuk Wan Mohd. Huzafah sebagai pembantu) selain sokongan kewangan dalam beberapa bulan saya berada di syarikat kumpulan

PENDAHULUAN

PWM bagi menyiapkan skrip buku. Tanpa kemudahan dan bantuan ini, kelancaran penulisan tentulah terbantut. Kemudiannya kepada Tan Sri Onn Ismail, Pengerusi Tetap UMNO dan Tan Sri Hamad Kama Piah Othman, Presiden/Ketua Eksekutif PNB yang telah bersetuju membeli sejumlah buku ini dan membayar harganya terus ketika buku belum lagi diterbitkan. Pertolongan mereka ini telah mengurangkan serba sedikit kesukaran saya ketika menulis.

Akhirnya buku ini tidak dapat diterbitkan tanpa sokongan dan kewangan yang cukup untuk membayar pelbagai kos. Dalam hal ini, saya ingin menyatakan terasa terhutang budi kepada pucuk pimpinan UMNO, terutama Jawatankuasa Pengurusan yang menaruh keyakinan terhadap saya dengan meluluskan satu peruntukan bagi penerbitan buku ini. Ianya di atas cadangan yang dikemukakan oleh Setiausaha Kerja UMNO, Brig. Jen (B) Dato Paduka Husainay Hashim yang sedia memahami keperluan saya dan mendapat sokongan pula dari Dato Seri Radzi Sheikh Ahmad sebagai Setiausaha Agung.

Kepada Perdana Menteri dan Presiden UMNO, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan timbalannya Dato Sri Najib Tun Abdul Razak, penghargaan saya yang setinggi-tingginya kerana sudi memberi perutusan kepada buku ini. Semoga kata-kata mereka ini akan menjadi pendorong kepada ahli-ahli dalam membina sebuah parti dan negara seperti yang dikehendaki.

Banyak pandangan-pandangan dalam buku ini adalah terbit dari persepsi saya terhadap UMNO seperti yang saya telah alami dan lihat. Dengan yang demikian ia tidak semestinya mencerminkan pendirian rasmi parti dalam perkara-perkara yang saya hurai atau kemukakan. Pihak-pihak lain juga mungkin ada pandangan masing-masing tetapi harus dapat diterima jika lahir dari keikhlasan hati untuk melihat kedudukan UMNO dan negara seluruhnya bertambah mantap dalam satu fasa sejarah yang terus mencabar.

PENGARANG

JULAI 2007

PENGENALAN

DALAM senario negara-negara membangun, UMNO adalah antara parti politik yang paling tahan dengan rekod bukan saja berjaya mengenyahkan penjajah tetapi mengendalikan pemerintahan selepasnya dalam satu tempoh yang panjang. Bermula sebagai sebuah parti orang Melayu yang didukung oleh anggota-anggota masyarakat ini, ia telah berkembang menjadi parti nasional yang berupaya memenuhi tuntutan-tuntutan penduduk pelbagai kaum dalam negara moden yang kompleks. Berbagai masalah dan pengalaman getir telah dilaluinya namun dapat meletakkan negara ini di atas landasan yang kukuh. Pencapaian ini sukar ditandingi oleh parti-parti lain di mana jua.

Kehadiran UMNO di negara ini ternyata dari empat huruf jawi (pa, kaf, mim dan ba) yang dicantumkan untuk menjadi lambang yang tidak asing lagi. Ia satu lambang yang sungguh bermakna kerana kebajikan dan kesejahteraan hidup rakyat Malaysia mempunyai kaitan secara langsung atau tidak langsung dengan pergerakan parti ini. Setelah melihat kepincangan-kepincangan yang menimpa negara-negara yang baru merdeka malah yang telah lama berkerajaan sendiri, ia menjadi lebih lagi bererti. Telah dapat dielak kezaliman dan penderitaan seperti yang dialami oleh rakyat di negara-negara tersebut akibat adanya kumpulan-kumpulan atau individu-individu yang tidak teragak-agak menamatkan proses demokrasi bagi tujuan mereka.

Hakikat Malaysia tidak mengalami nasib ini adalah satu keluarbiasaan dan rahmat yang tidak mudah dikecapi oleh negara-negara lain. Kestabilannya yang berterusan sejak merdeka adalah kesan secara langsung daripada usaha-usaha sebuah parti tonggak iaitu UMNO dan rakan-rakannya dalam Perikatan / Barisan Nasional yang mengasaskan perjuangannya kepada kehendak perpaduan dan kemajuan. Kepentingan ramai paling diutamakan berbanding sebarang kehendak pemimpin atau golongan-golongan dengan nafsu yang tidak terkawal.

Penubuhan negara-negara moden yang berasaskan parti adalah ekoran fenomena yang berlaku di Barat. Perkembangan itu telah mengambil masa kira-kira tiga ratus tahun sebelum sampai ke tahap yang ada dengan parti-parti politik menentukan pemerintahan. Hari

ini parti-parti politik dengan susunan jentera dan dasar-dasar tertentu merupakan sebahagian daripada amalan hidup bernegara. Parti menjadi alat yang diizinkan oleh undang-undang bagi mencapai kuasa dan melalui kuasa ini mengendalikan pemerintahan. Namun terdapat perkembangan yang tidak selaras dengan negara-negara tertentu menggunakan sistem pilihan raya manakala di lain-lain negara pula, sesuatu kumpulan atau individu mencapai kuasa tanpa saluran parti dan mengamalkan pemerintahan mutlak yang tidak berasaskan kehendak ramai.

Di Malaysia sebagai negara yang dijajah, penubuhan parti-parti agak lewat iaitu pada umumnya selepas Perang Dunia Yang Kedua, dengan itu beratus tahun ketinggalan berbanding dengan Eropah atau Amerika. Malah negara-negara Asia yang lain seperti India, Filipina, Indonesia dan Burma lebih ke depan dalam perkembangan politik dan penubuhan parti-parti. Kebaikannya ialah sudah ada model untuk dicontohi bagi penyusunan parti apabila tiba masanya. Model itu daripada parti-parti demokratik di negara-negara Barat (yang menjajah) dan kemudiannya parti-parti Sosialis-komunis yang berbeza dari segi bentuk, fahaman dan cara pergerakan. Sewajarnya kelahiran parti-parti di Malaysia dikaitkan dengan kesedaran politik di kalangan rakyat yang mahu berkerajaan sendiri. Kerana kesedaran ini boleh dikatakan baru, penubuhan parti-parti juga baru dan masih dalam ingatan generasi yang memperjuangkan kemerdekaan.

Kelewatan dalam pertumbuhan parti-parti merupakan logik penjajahan (di sini British) yang mendapati perlu menyekat perkembangan ke arah itu demi pengekalan pemerintahannya. Justeru, penjajah dalam ia mengamalkan demokrasi dengan kewujudan parti-parti dan pelaksanaan pilihan raya di negara ibunda, membenarkannya di negara yang dijajah bermakna menamatkan kekuasaannya sendiri. Kepentingannya yang utama ialah melanjutkan pemerintahannya seberapa lama yang mungkin sesuai dengan tujuan imperialismenya. Untuk itu, apa pun boleh dibuat termasuk membantut pergerakan-pergerakan nasionalis. Dengan kawalan yang ketat atas nama 'law and order', kerajaan penjajah dapat menumpukan tugasnya pada mengeksploitasi sumber-sumber kekayaan di dalam satu-satu negara untuk faedahnya. Tidak ada keperluan dan ruang untuk demokrasi dan penubuhan parti-parti.

Apabila terdapat tanda-tanda yang anak negeri mula berminat untuk menolak kehadiran penjajah dan menentukan masa depannya sendiri, ia dihalang melalui pelbagai cara. Betapa bebal anak negeri, mereka terpengaruh juga dengan gerakan-gerakan nasionalis di negara-negara jiran dan pendapat dunia yang telah mula menganggap penjajahan sebagai bertentangan dengan kemanusiaan. Menjadi contoh ialah

perjuangan Parti Kongres di India bagi menamatkan pemerintahan Inggeris, Katipunan di Filipina yang menentang Sepanyol dan gerakan Islam dan nasionalis di Indonesia yang berjuang menumpaskan Belanda. Dalam keadaan itu timbul keperluan tindakan bersama membabitkan rakyat bagi menghadapi kerenah penjajah. Ia membawa kepada penubuhan parti-parti politik yang berbagai, namun pembebasan tanah air tidak diperolehi dalam tempoh segera.

Di Tanah Melayu, British membenarkan secara terhad penubuhan persatuan-persatuan dan kelab-kelab di peringkat negeri atau kebangsaan yang bertujuan mendekatkan orang Melayu dengan pentadbiran kerajaan dan memperbaiki taraf sosio-ekonomi mereka. Tetapi memandangkan segelintir orang Melayu sahaja menyertai persatuan-persatuan atau kelab-kelab ini pada tahun-tahun 20-an dan 30-an dan ianya terpisah daripada politik, kedudukan British mantap dan tidak terancam. Apa lagi dengan sentimen kenegerian yang masih tebal di kalangan penduduk Melayu yang mempunyai negeri dan raja masing-masing. Apa-apa gerakan kebangsaan terbantut lagi dengan kehadiran kaum-kaum mendatang dengan kepentingan politik yang berbeza.

Adalah nyata bahawa kedatangan kaum-kaum ini bertujuan memenuhi kehendak ekonomi penjajah. Sebagai pemastautin sementara, dalam politik mereka memberi tumpuan kepada negara-negara asal mereka. Perkembangan di China, misalnya telah mendorong sebilangan penduduk China untuk menyertai gerakan-gerakan nasionalis anjuran Sun Yet San dan Parti Kuomintang. Apabila Komunis mula bertapak di China sebagai saingan kepada Kuomintang, mereka telah menubuhkan Parti Komunis Malaya (PKM). Di India juga kebangkitan kebangsaan telah terluah ke seberang laut di mana terdapat penduduk keturunan India. Ramai orang India yang berada di Tanah Melayu terpengaruh dengan kegiatan tokoh-tokoh Parti Kongres India dan membantu aktiviti-aktiviti mereka. Pendeknya, di kalangan majoriti penduduk bukan Melayu, kesetiaan dan rasa kepunyaan terhadap Tanah Melayu tidak wujud.

Rasa kepunyaan itu hanya terhad kepada orang Melayu yang menganggap ini satu-satunya negara mereka, yang ditadbirkan oleh British bagi pihak Raja-raja mereka melalui perjanjian-perjanjian. Dengan itu mereka ada hak dalam menuntut negara ini untuk diri mereka, berbanding kaum-kaum yang mendatang. Sentimen kebangsaan, biarpun terpendam telah mengalir dalam sanubari mereka terutama setelah dipengaruhi oleh gerakan-gerakan kemerdekaan di Indonesia, negara serumpun dengan mereka dan perkembangan di Timur Tengah. Perasaan ini diperkukuhkan dengan eksploitasi berterusan oleh penjajah ke atas sumber-sumber bumi negara ini dengan menggunakan buruh

asing manakala keperluan-keperluan penduduk tempatan dalam bidang ekonomi dan pendidikan diabaikan.

Kesedaran kebangsaan di kalangan orang Melayu bahawa mereka berhak ke atas pemerintahan di negara sendiri membawa kepada penubuhan parti politik berasaskan tempatan yang pertama pada 1938. Bernama Kesatuan Melayu Muda (KMM), ia didukung oleh sekumpulan pemimpin-pemimpin Melayu radikal yang terpengaruh dengan revolusi Indonesia dan tidak yakin dengan kebolehan golongan bangsawan (feudal) yang lebih mengutamakan kepentingan sendiri daripada membela rakyat jelata. KMM dalam berusaha menamatkan penjajahan British, mempunyai agenda untuk menggabungkan Tanah Melayu dengan Indonesia dalam satu gagasan Melayu Raya merangkumi semua wilayah-wilayah Melayu.

Perjuangan radikal parti ini tidak dapat diterima oleh British, yang lebih senang jika orang Melayu kekal dalam persatuan-persatuan dan kelab-kelab yang ditubuhkan mereka, dipimpin oleh golongan elit dan tidak mempunyai cita-cita politik. Begitulah keadaannya sebelum kedatangan satu kuasa baru Asia iaitu Jepun dengan rancangan Kawasan Kemakmuran Bersamanya untuk negara-negara di Timur Asia. Ia telah menembusi benteng pertahanan penjajah termasuk di Tanah Melayu, memaksakan British berundur dengan kekalahan. Satu bentuk baru pemerintahan dibawa oleh Jepun dengan motifnya tersendiri untuk keagungan Maharaja mereka.

Sebagai kuasa baru yang ingin memenangi hati penduduk tempatan, khasnya orang Melayu, pentadbiran Jepun sering berjinak-jinak dengan mereka dan membenarkan mereka terlibat dalam kegiatan-kegiatan politik hingga ke satu peringkat. Dalam bekerjasama dengan Jepun ini, muncullah kegiatan-kegiatan bagi mencapai kemerdekaan yang tidak disenangi oleh kuasa Jepun. Akhirnya, KMM sendiri diharamkan yang membuktikan bahawa sebarang kuasa penjajah tidak mudah melayan aspirasi politik penduduk tempatan. Kumpulan-kumpulan radikal Melayu ini berharap dengan ketiadaan British mereka dapat merampas balik Tanah Melayu dan kehadiran Jepun ini sebagai pembuka jalan dalam mencapai matlamat mereka.

Tetapi British ada rancangannya sendiri bagi mengekalkan kedudukannya di Tanah Melayu. Setelah ditewaskan oleh Jepun, ia telah bekerjasama dengan Tentera Rakyat Malaya Anti Jepun (MPAJA) yang di bawah PKM dengan mengaturkan serangan-serangan gerila ke atas musuh mereka itu. Apabila perang tamat, keadaan dalam ketidaktentuan dengan pelbagai kumpulan yang berasaskan kepentingan kaum dan ideologi cuba melonjak ke atas. PKM telah mengambil alih kuasa pemerintahan buat sejenak sebelum kedatangan British semula yang membawa satu rancangan baru bakal mengubah politik dan corak

pemerintahan Tanah Melayu.

Dalam menghadapi suasana yang telah berubah itu, parti-parti politik ditubuhkan mewakili kepentingan berbagai kumpulan penduduk. Golongan radikal Melayu meneruskan perjuangannya dengan menubuhkan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) pada Oktober 1945. Ia kemudiannya dibantu oleh dua sayap yang kuat iaitu Angkatan Pemuda Insaf (API) dan Angkatan Wanita Insaf (AWAS). Secara bersama mereka memperjuangkan kemerdekaan tanpa tolak ansur dengan British dan golongan feodal Melayu. Dengan itu perjuangannya berbeza dari UMNO yang ditubuhkan pada Mei 1946 bagi menghalang pelaksanaan Malayan Union (yang ditaja oleh British) dan mengembalikan hak asal orang Melayu. UMNO dalam masa yang singkat telah berjaya menyatukan orang Melayu di seluruh negara untuk menjadi jaguh dalam menentang British.

Dikalangan orang bukan Melayu, mempunyai pendekatan politiknya sendiri. Pada akhir 1945, telah ditubuhkan Malayan Democratic Union (MDU) yang mengandungi ahli-ahli Cina, Serani dan India yang rata-rata adalah dari kelas menengah dan berpendidikan Inggeris. Sebagai parti elitis yang berpusat di Singapura, ia tidak dapat menarik sokongan yang meluas. Dengan kerjasama Tun Tan Cheng Lock, ia kemudiannya membentuk Majlis Tindakan Seluruh Malaya (AMJCA) dan turut memperjuangkan hak kerakyatan semua kaum. Satu-satunya parti bukan Melayu yang berasaskan kaum ditubuhkan pada 1946 ialah Kongres India Malaya (MIC). Dengan ahli-ahlinya terhad kepada kaum India dan tujuannya membantu politik di India, menunjukkan sebilangan besar orang bukan Melayu belum diorientasikan kepada politik tempatan.

Dengan UMNO bangkit menentang Malayan Union kerana musibahnya ke atas orang Melayu, telah memaksakan kerajaan British berunding dengan wakil-wakil parti ini bagi membentuk semula politik Tanah Melayu. Ini membawa kepada penubuhan Persekutuan Tanah Melayu yang mengiktiraf kedudukan istimewa orang Melayu tetapi tidak membelakangkan terus hak orang bukan Melayu. Kejayaan UMNO menambahkan keyakinan umat Melayu terhadap parti ini yang dianggap satu-satunya parti yang berupaya membela mereka, berbanding dengan parti-parti kiri Melayu yang telah bergabung dalam sebuah badan yang bernama Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA). Badan ini bermuafakat dengan AMJCA bagi menolak Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu untuk digantikan dengan apa yang disebut sebagai Perlembagaan Rakyat.

Dalam gelora politik pada masa ini telah ditubuhkan sebuah parti bernama Hizbul Muslimin pada Mac 1948, di Gunung Semanggol, Perak. Matlamatnya memperjuangkan agama Islam dan mencapai

kemerdekaan Tanah Melayu dengan bangsa Melayu yang berdaulat. Tetapi hayatnya tidak lama, kerana dengan Darurat diisytiharkan berikutan pemberontakan Komunis telah membawa kepada kelumpuhannya bersama dengan Parti Kebangsaan Melayu Malaya; sementara Parti Komunis Malaya pula diharamkan. UMNO kekal sebagai parti yang paling dapat diterima kerana agenda politiknya yang sederhana dan sanggup bekerjasama dengan British dalam menentang Komunis dan sedia mengikut cara perlembagaan dalam mendesak perubahan-perubahan ke arah kerajaan sendiri.

Dalam keadaan orang Melayu diwakili secara berkesan oleh UMNO, wujud kekosongan dalam politik orang Cina kerana tiada parti dapat membela kepentingan mereka. Dengan itu sekumpulan pemuka-pemuka Cina dengan restu British telah menubuhkan Persatuan Cina Malaya (MCA) pada Februari 1949. Ia diketuai oleh Tun Tan Cheng Lock yang telah meninggalkan AMCJA setelah pertubuhan itu tidak mendapat layanan kerajaan. MCA yang pada mulanya wujud sebagai persatuan kebajikan yang banyak membantu orang Cina semasa Darurat merupakan alternatif kepada Parti Komunis Malaya yang berusaha menarik sokongan mereka ini kepada perjuangannya.

Di Sarawak dan Sabah, perkembangan politik selepas Perang adalah lebih perlahan dengan British meneruskan cengkaman ke atas dua negeri itu yang diperintah terus dari London sebagai tanah jajahan. Parti-parti tidak muncul, namun tidak dapat menyembunyikan keresahan penduduk tempatan terhadap kerajaan penjajah. Tatkala orang Melayu di Semenanjung bangkit menentang Malayan Union, orang Melayu di Sarawak telah menolak rancangan British yang mahu menukarkan status negeri itu kepada tanah jajahan. Pertumpahan darah telah berlaku sebagai isyarat kepada penjajah untuk menyerahkan pemerintahan kepada anak negeri. Di Sabah (Borneo Utara), keresahan tidak kurang tetapi tidak menghasilkan penubuhan parti-parti politik.

Dalam pergerakan ke arah kemerdekaan di Tanah Melayu, beberapa buah parti Melayu lagi telah ditubuhkan selain UMNO. Parti-parti ini bersaing untuk mendapatkan tempat di hati orang Melayu. Dato Onn sendiri setelah meninggalkan UMNO bagi menubuhkan Parti Kemerdekaan Malaya (IMP) yang bercorak berbilang kaum. Kerana kegagalan mendapat sokongan orang Melayu, beliau kemudiannya menubuhkan pula Parti Negara. Sementara itu, segelintir alim ulama dalam UMNO telah menubuhkan PAS pada 1951 bagi memperjuangkan Islam, diikuti dengan Parti Rakyat pada 1955 yang boleh dianggap sebagai kesinambungan kepada parti-parti kiri Melayu sebelumnya.

Penduduk bukan Melayu juga telah menubuhkan beberapa parti bagi mewakili kepentingan mereka. Selain MCA yang bergabung dengan UMNO dalam Parti Perikatan pada 1953 dan turut disertai oleh

MIC pada 1955, terdapat Parti Buruh yang berada dalam pembangkang dan diasaskan kepada perjuangan kelas. Dengan keseluruhan ahlinya adalah orang Cina, bersama Parti Rakyat ia menubuhkan Front Sosialis yang kemudiannya berpecah kerana perbezaan ideologi dan kepentingan kaum. Sebuah parti lagi iaitu Parti Progresif Rakyat (PPP) yang ditubuhkan sebelum Pilihan Raya Federal 1955 terang-terang memainkan sentimen kaum bagi menarik sokongan penduduk Cina di Lembah Kinta, Perak. Parti Tindakan Demokratik (DAP) yang ditubuhkan lama kemudian pada 1966 adalah bagi memperjuangkan sosialisme demokratik, tetapi tidak dapat menyembunyikan hakikat kecinaannya kerana mengutamakan kepentingan kaum ini dalam pelbagai tindakannya. Parti Gerakan pula yang ditubuhkan dua tahun selepas ini mempunyai dasar untuk pelbagai kaum tapi dengan kepimpinan Cina.

Menjelang pembentukan Malaysia pada 1963 dan tempoh selepasnya, telah muncul pelbagai parti di Sarawak dan Sabah yang terhad kepada negeri itu. Seperti di Semenanjung, ada yang berasaskan kaum dan ada yang berbilang kaum tetapi dengan keahliannya lebih tertumpu pada satu kaum atau kumpulan etnik. Tujuannya untuk mengambil bahagian dalam proses politik yang semakin rancak dengan setiap parti ingin mendahului yang lain dalam perkembangan yang dibawa oleh Malaysia.

Dua parti terpenting di Sarawak mewakili penduduk Melayu-Bumiputera ialah Parti Bumiputera (cantuman Parti Berjasa dan PANAS) dan Parti Pesaka yang ahli-ahlinya dari kaum Dayak. Kedua-dua parti ini pula bercantum untuk menjadi Parti Bumiputera Bersatu (PBB), dan merupakan teras kerajaan Perikatan Sarawak. Majoriti penduduk Cina diwakili dalam Persatuan Cina Sarawak (SCA) yang bersifat konservatif (dan rakan dalam Perikatan) dan Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP) sebagai parti yang ditubuhkan paling awal pada 1959 dan di dalamnya terdapat elemen-elemen Komunis yang anti-Malaysia. Sebuah parti lagi yang dianggotai oleh pelbagai kumpulan etnik (terutama Iban dan Cina) ialah Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP) yang pernah mengetuai kerajaan Sarawak.

Parti yang awal di Sabah ialah UNKO mewakili kaum Kadazan yang ditubuhkan pada 1961 dan kemudiannya bergabung dengan Pasuk Momogum bagi menubuhkan UPKO pada 1964. Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu (USNO) yang ditubuhkan pada Disember 1961 mengandungi ahli-ahli Bumiputera beragama Islam. Susunan jenteranya adalah mengikut UMNO yang mempunyai hubungan rapat dengannya. Ia bersaing sengit dengan UPKO untuk menguasai kerajaan Sabah, namun dalam pergolakan politik negeri yang terus menerus UPKO dibubarkan dan ahli-ahlinya bersatu dengan ahli-ahli

MEMPERKASA MINDA
MEMARTABATKAN BANGSA

ISBN 978-983-43689-0-6



9 789834 368906